



BAB KEDUA

PENGENALAN ILMU KETAMADUNAN DAN
KEMUNCULAN PUSAT-PUSAT PERADABAN
MELAYU ISLAM

BAB KEDUA : PENGENALAN ILMU KETAMADUNAN DAN KEMUNCULAN PUSAT-PUSAT PERADABAN MELAYU ISLAM

2.0 PENGENALAN

Secara umumnya, persoalan mengenai tamadun dan peradaban sering menjadi wacana perbincangan para sarjana timur dan barat dari dahulu hingga sekarang. Sebagai makhluk sosial, manusia tidak boleh hidup secara bersendirian, tetapi memerlukan individu lain untuk dilahirkan, diasuh, dididik dan dibesarkan. Manusia juga memerlukan komuniti untuk membangunkan institusi sosial bagi tujuan memajukan diri. Interaksi dan kerjasama inilah yang akhirnya melahirkan sebuah peradaban manusia.

Bagi memahami dengan lebih mendalam tentang persoalan peradaban dan ketamadunan adalah perlu untuk diteliti maksud dan pengertian peradaban terlebih dahulu. Hasil penelitian dan pemerhatian para sarjana silam, telah melahirkan beberapa teori mengenainya yang menjadi kerangka kepada generasi seterusnya untuk memahami dan mendalami persoalan pembinaan serta kejatuhan peradaban manusia.

Dalam bab ini juga akan ditelusuri beberapa teori tentang kedatangan Islam di rantau Nusantara yang akhirnya melahirkan beberapa buah pusat peradaban Melayu Islam.

2.1 TAKRIF PERADABAN

Pelbagai takrifan telah diberikan terhadap pengertian peradaban oleh para sarjana Muslim dan barat. Kepelbagaiannya ini merupakan ketidaksamaan dari segi perspektif mereka terhadap pengertian peradaban yang sebenar.

2.1.1 Menurut Bahasa Melayu

Dalam bahasa Melayu terdapat dua istilah yang sering digunakan. Pertama, peradaban dan kedua tamadun. Peradaban berasal daripada perkataan adab. Kamus Dewan (1998:6) memberikan dua pengertian, iaitu :

1. Tingkah laku serta tutur kata yang halus (sopan), budi bahasa, budi pekerti yang halus, kesopanan.
2. Cara seseorang berkelakuan dalam sesuatu situasi tertentu.

Jika diamati makna dan pengertian perkataan adab di atas, dapat disimpulkan bahawa adab membawa pengertian yang sama dengan tamadun kerana tamadun adalah cara hidup sekelompok manusia yang diamalkan sejak turun-temurun. Menurut Kamus Dewan juga (1998:1355), tamadun ditakrifkan sebagai :

1. Keadaan masyarakat manusia yang dicirikan oleh atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain) yang tinggi; peradaban.
2. Negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain) yang tinggi; peradaban.

3. Budaya atau cara hidup orang- orang (negara, kawasan atau sesuatu zaman tertentu; peradaban).
4. Keadaan pemikiran (budaya dan moral) yang halus, peradaban.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa peradaban dan tamadun merupakan pencapaian semua aspek pemikiran, moral, sosial dan kebendaan dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Kedua-dua terminologi ini juga menggambarkan kesejahteraan dan kebahagiaan.

2.1.2 Menurut Bahasa Arab

Antara sarjana Islam terawal yang mengutarakan persoalan dan konsep peradaban serta tamadun ini ialah Abu Nasir al-Farabi melalui kitabnya *al-Siyasah al-Madaniyyah* yang memperkenalkan istilah *al-Madaniyyah* pada abad kesebelas. Istilah ini kemudiannya dipopularkan oleh sarjana-sarjana Arab, seperti Muhammad Farid Wajdi dengan bukunya *al-Madaniyyah wa al-Islam* dan Syeikh Muhammad Abduh melalui karyanya *al-Islam wa al-Nas wa al-'Ilm wa al-Madaniyyah* (Beg, 1980:16). *Madaniyyah* yang berasal daripada *madinah* (kota), berimaksud suatu kehidupan yang berteraskan aqidah, syariah dan akhlak yang mulia.

Manakala, konsep ‘masyarakat madani’ yang digunakan secara meluas pada hari ini boleh diertikan sebagai masyarakat berperadaban. Ia terbentuk di atas kerjasama setiap anggota masyarakat bermatlamatkan kepentingan bersama. Anwar Ibrahim (1995) yang mempelopori penggunaan konsep ini mentakrifkannya sebagai :

Sistem sosial yang subur yang diasaskan kepada prinsip moral yang menjamin keseimbangan antara kebebasan perseorangan dengan ketstabilan masyarakat. Masyarakat yang mendorong daya usaha serta inisiatif individu, baik dari segi pemikiran, seni, ekonomi, dan teknologi.

Pada abad keempat belas, Ibn Khaldun telah menformulasikan konsep '*umran*' dan teori mengenainya dinamakan '*Ilm al-'Umran*'. Beliau turut mengemukakan istilah *al-hadarah*. *Hadarah* merupakan kehidupan beradab pada tahap maju, manakala *badawah* sering dikaitkan dengan kehidupan pedalaman yang bersandar kepada pertanian dan ternakan.

Istilah *tamaddun* pula telah dipopularkan oleh Jurji Zaydan pada abad kesembilan belas melalui bukunya *Tarikh al-Tamaddun al-Islami*. Menurut Kamus Idris al-Marbawi (1350: 248) perkataan ini berasal daripada kata kerja *madana* dan *maddana* yang bererti membangunkan kota-kota dan kehalusan budi pekerti dan akhlak mulia seperti orang kota. Pada Naquib al-Attas (1992:7), istilah *tamaddun* dihubungkaitkan dengan beberapa perkataan lain seperti *din*, *dayn* dan *mudun* yang memberikan pengertian bahawa kehidupan insan bermasyarakat telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat.

Hashim Musa (1997:2) merumuskan bahawa istilah tamadun boleh ditakrifkan sebagai sejumlah pencapaian dan pemerolehan dalam segala perlakuan, pemikiran dan penciptaan yang baik, halus, sopan dan santun bagi pembentukan peribadi, akhlak, tatasusila, adab, tingkah laku dan budi bahasa yang mulia bagi individu dan juga sesuatu kelompok manusia yang membentuk sebuah masyarakat dan negara bangsa.

2.1.3 Menurut Bahasa Inggeris

Para sarjana barat membincangkan teori peradaban dan ketamadunan mereka hanya bermula dalam abad kesembilan belas. Ini bererti para sarjana Islam telah mendahului mereka lima ratus tahun lebih awal. Pelbagai terminologi pernah digunakan dalam bahasa Inggeris yang berkaitan dengan peradaban. Perkataan *civilization* adalah terjemahan literal yang dilakukan oleh para sarjana barat. Ia berasal daripada perkataan Latin *civitas* yang bererti *city* atau bandar. Dari sudut epistemologi perkataan *civilization* berkait rapat dengan *urbanization* dengan alasan bahawa setiap perubahan adalah jelas pertumbuhannya di bandar-bandar besar dan ciri-ciri asas peradaban manusia lebih mudah ditemui di bandar-bandar. Bandar jelas dianggap sebagai tempat dan petanda kelahiran sesebuah peradaban manusia yang bersamaan dengan konsepsi Ibn Khaldun yang mengaitkan pertumbuhan peradaban manusia dengan kehidupan di bandar (1).

Ismail al-Faruqi, sebagaimana dipetik oleh Abdullah Alwi (2000) berpendapat bahawa *civilization* dalam bahasa Inggeris bererti keadaan bertamadun, iaitu pencapaian kesempurnaan syarat-syarat sebagai sebuah organisasi sosial yang maju bersesuaian dengan sebuah bandar berbanding dengan penduduk-penduduk desa. Ini termasuk keupayaan penduduk-penduduknya untuk hidup, menjalankan urusan perniagaan, memutuskan apa-apa pertikaian mereka mengikut peraturan undang-undang, mempertahankan keselamatan bersama apabila terancam, menggunakan bahasa bertulis untuk menyimpan khazanah ilmu dan hikmah dan sentiasa mengembangkannya, sentiasa mengembangmajukan kesenian dan sains yang pada umumnya bererti sentiasa membaiki nilai hidup. Konsep ini berasaskan inspirasi falsafah Greek.

Manakala Albert Schweitzer (1923/55:7) pula mentakrifkan *civilization* sebagai ‘...the sum total of all progress made by mankind in every sphere of action and every point of view, in so far as this progress is serviceable for the spiritual perfecting of the individual. Its element is the ethical perfecting of the individual and the community’.

Selain itu, perkataan *renaissance* juga telah digunakan bertujuan untuk memberi pengertian peradaban seperti Adam Metz, di dalam bukunya *The Renaissance of Islam*. Demikian juga dengan perkataan *culture* seperti mana yang diutarakan oleh V.V. Bartold di dalam *Mussulman Culture*.

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa istilah peradaban yang digunakan secara meluas tidak mempunyai satu pengertian yang spesifik kerana ia adalah satu konsep yang luas dan kompleks.

2.2 KERANGKA TEORI PERKEMBANGAN DAN KEMUSNAHAN PERADABAN

Kajian mengenai peradaban manusia yang telah dipelopori oleh Ibn Khaldun telah mendapat perhatian para sarjana timur dan barat. Antaranya ialah Ali Syari'ati, *Civilization and Modernization* (1974); Abul Hasan Ali Nadwi, *Religion and Civilizations, Western Civilization – Islam and Muslims* (1969), *Islam and the World* (1980); Akbar Ahmed, *Postmodernism and Islam : Predicament and Promise* (1992), *Discovering Islam : Making Sense of Muslim History and Society* (1988); Ziauddin Sardar, *The Future of Muslim Civilization* (1979); Oswald Spengler, *Decline of the West* (1926-28); Arnold Toynbee, *A Study of History*, 12 vols. (1934-1961); Carroll Quigley, *The Evolution of Civilizations : An Introduction to Historical Analysis* (1961); Albert Schweitzer,

Civilization and Ethics (1923/55); Francis Fukuyama, **The End of History and the Last Man** (1992); Fernand Braudel, **History of Civilization** (1994) dan Paul Kennedy, **The Rise and Fall of the Great Powers** (1987).

Terdapat dua teori yang secara tradisinya digunakan dalam analisis mengenai bangun jatuhnya peradaban manusia, iaitu Teori Kitaran/Edaran (*A Cyclical Theory*) dan Teori Linear (*A Linear Theory*). Namun, pada akhir abad ini telah diperkenalkan pula satu lagi teori baru dalam memperkatakan persoalan ini, iaitu Teori Alunan (*A Rhythmic Theory*).

2.2.1 Teori Kitaran/Edaran (*A Cyclical Theory*)

Teori kitaran mula diketengahkan oleh seorang tokoh Islam tersohor pada abad keempat belas, iaitu Ibn Khaldun berdasarkan penelitian dan pemerhatian beliau terhadap bangun jatuhnya beberapa buah dinasti sepanjang hayat beliau. Beliau mencadangkan bahawa setiap peradaban akan mengalami proses kelahiran, kedewasaan, kematangan, kemerosotan, dan akhirnya kejatuhan. Dinasti ini akan digantikan dengan dinasti lain yang juga akan melalui proses yang sama. Kebangkitan dan kejatuhan ini ditentukan oleh undang-undang tabii; kejadian itu mungkin memakan masa satu, dua atau tiga generasi, tetapi ia tidak dapat dielakkan. *'However the historical process of the growth and decline of societies and civilization is cyclical in the sense that it will pass through similar stages and finally to be replaced by a new one and history will then repeat itself'* (Syed Omar, 1997:27). Dengan melihat proses kenaikan dan kejatuhan peradaban, ia adalah satu proses pusingan yang akan berulang (akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab ketiga nanti).

Teori ini melihat perkembangan peradaban manusia sebagai satu proses berperingkat-peringkat yang harus dilalui oleh setiap komuniti masyarakat. Dalam menempuh proses perubahan ini, setiap komuniti seharusnya menamatkan peringkat terakhir (*stage of perfection*) dengan cemerlang. Namun, sering berlaku apabila masyarakat atau peradaban akan kembali ke peringkat asal atau awal bagi memulakan proses perubahan pusingan baru (Rohana Yusof, 1997:272).

Malik Bennabi, seorang sarjana Islam pada abad kedua puluh, harus diberikan perhatian apabila memperkatakan teori kitaran. Teori kitaran yang dikemukakan oleh beliau ini berilhamkan karya agung Ibn Khaldun, tetapi mempunyai beberapa perbezaan yang tersendiri. Beliau menamakan tiga peringkat utama dalam perkembangan peradaban iaitu tahap masyarakat pra-tamadun (*mujtama' qabla al-hadarah*), tahap masyarakat bertamadun (*al mujtama' al-mutahaddir*) dan tahap masyarakat pasca tamadun (*al mujtama' ba'da al-hadarah*). Beliau menekankan bahawa dua peringkat, iaitu pra-tamadun dan pasca tamadun meletakkan masyarakat di luar keadaan berperadaban.

Bennabi emphasized the notion that every civilization had to pass through three stages: birth (milad), peak (awj) and decline (iful). He thus expressed, like Ibn Khaldun, a belief in a cyclical process in civilization. Indeed, he acknowledge that Ibn Khaldun originated the concept of such cycles in his theory of the Three Generations... Bennabi attempted in general to interpret Islamic history in light of the cyclical theory.

(Fawzia Bariun, 1993:115-116)

Masyarakat Yunani purba turut berpegang kepada pendapat bahawa sesuatu peristiwa itu berlaku berulang-ulang dalam kitaran-kitaran yang silih berganti. Dengan perkataan lain, mereka percaya bahawa sesebuah negara atau peradaban itu turut mengalami proses kitaran

(Sidney Pollard, 1971:16). Proses kitaran ini menunjukkan bahawa hayat sesebuah negara dan peradaban itu sentiasa beredar di dalam satu pusingan yang berterusan, iaitu bermula, berkembang, dan runtuh. Selepas itu, proses ini akan bermula semula, mungkin dengan kelahiran suatu bentuk pemerintahan yang berlainan.

Proses pengulangan ini tidak bererti bentuk yang serupa akan terjelma semula, sebaliknya ia adalah satu proses umum, seperti kelahiran, perkembangan, dan akhirnya kejatuhan. Namun, ia akan tetap menjalani dan mengalami proses kitaran yang sama. Faktor-faktor yang mencetuskan proses ini juga dianggap boleh berulang dan menyebabkan berulangnya proses-proses perkembangan tersebut. Perkembangan politik negara mungkin menyebabkan mereka berpandangan sedemikian. Mereka merasakan bahawa terdapat peristiwa-peristiwa yang berlaku berulang-ulang dari semasa ke semasa yang mempunyai ciri-ciri yang serupa, sama ada sezaman ataupun pada zaman berikutnya. Dengan itu, pengajaran tentang sebab berlakunya sesuatu peristiwa akan diperoleh dan mereka boleh berusaha mengelakkannya daripada berulang (Muhd. Yusof Ibrahim, 1986:18).

Teori kitaran ini turut menjadi pegangan hidup masyarakat Cina semasa zaman kemaharajaan. Namun, ia hanya berkisar kepada falsafah politik kewangsaan mereka. Sesebuah wangsa itu akan mengalami proses kelahiran, perkembangan, dan kejatuhan. Keruntuhan ini akan diikuti dengan kelahiran sebuah wangsa yang baru. Ini bererti apabila sesebuah wangsa menamatkan proses kitarannya, sebuah wangsa yang baru akan memulakan proses pengulangan kitaran tersebut.

Teori ini bermula dengan tercetusnya suasana huru-hara di antara beberapa wangsa. Kejayaan sebuah wangsa akan mewujudkan keamanan dan kestabilan. Harta kekayaan

dapat dibahagikan kepada rakyat dengan saksama. Namun, keamanan yang membawa kepada pertambahan penduduk menyebabkan harta kekayaan menjadi berkurangan. Keadaan rakyat semakin buruk apabila rasuah berleluasa di kalangan pemimpin dan cukai dinaikkan. Keadaan ini diburukkan lagi oleh bencana alam, seperti banjir dan gempa bumi. Akibatnya, rakyat memberontak untuk menyingkirkan wangsa yang memegang kuasa dan menggantikannya dengan wangsa yang baru. *'Finally the dynasty would be overthrown, and a period of strife and civil disorder would reduce the population and equalize holdings. The estates of the corrupt former officials would be redivided, and the stage would be set for another dynasty to emerge and for the cycle to repeat itself'* (Lucian W.Pye, 1984:57).

2.2.2 Teori Linear (*A Linear Theory*)

Ramai pemuka dan pengkaji sejarah peradaban manusia mengandaikan bahawa semua peradaban manusia berubah mengikut landasan yang serupa, iaitu satu deretan yang berbentuk linear. Teori linear menggambarkan bagaimana sesebuah peradaban dilahirkan, berkembang dengan pesat, berada di kemuncak, mengalami kemerosotan dan berakhir dengan kemasuhan dan kehancuran. Antara sarjana terkemuka yang berpegang kepada teori ini ialah Oswald Spengler (1926-1928), Quigley (1961), Melko (1969), dan Toynbee (1934-1961).

Spengler melihat perkembangan peradaban manusia seumpama pohon yang tumbuh subur di atas tanah. Ia mempunyai hayat tertentu iaitu lahir, membesar, matang, tua, dan mati. Sesebuah peradaban pasti runtuh apabila mencapai kemuncak kemasyhuran dan

kegemilangan. Namun, teori bangun jatuhnya peradaban yang diketengahkan oleh Spengler ini tidak boleh diaplikasikan terhadap semua peradaban manusia.

Spengler's theory of a civilization's birth and death does not always apply to all the civilizations of Mankind. It has a limited application. His theory applies to some civilizations like the 'First Syriac' and perhaps the 'Indus Valley civilization'. These civilizations completed their life-cycle and past away. But there are civilizations which completed their so-called life-cycle and still continue to live on. For instance, Islamic civilization was born in the Middle East in seventh century A.D. and it reached its climax by the year 1000 A.D. In the terminology of Spengler, it completed its life-cycle; but it defied his theory of inevitability and survived another millennium or so. Thus Spengler's theory does not explain the birth, growth, development, and decline as well as regeneration of Islamic civilization.

(Beg, 1980:1)

Samuel Huntington bersetuju bahawa peradaban adalah sesuatu yang pasti akan musnah setelah menjalani tempoh penghidupan yang panjang. Peradaban bersifat dinamik, iaitu ia bangun dan jatuh, bergabung dan berpecah; turut runtuh selepas sesuatu waktu. Fasa-fasa perkembangannya boleh dispesifikasikan dengan pelbagai kaedah. Melko umpamanya, mengetengahkan model perubahan proses perkembangan daripada Sistem Feudal kepada Sistem Kenegaraan dan daripada Sistem Kenegaraan kepada Sistem Imperial (Huntington, 1996:43).

Quigley (1961:128) pula mengutarakan teori perkembangan sesebuah peradaban melalui tujuh peringkat yang berbeza-beza, iaitu *mixture, gestation, age of conflict, universal empire, decay* dan *invasion*. Beliau juga mencadangkan bahawa '*...historians are fairly well agreed that, after they begin, they flourish and grow for a while, that eventually they*

reach a peak of power and prosperity, and that they weaken and decay before their final end'.

The pattern of change in civilizations presented here consists of seven stages resulting from the fact that each civilization has an instrument of expansion that becomes an institution. The civilization rises when this organization is an instrument and declines as this organization becomes an institution.

(Ibid., 132)

Arnold Toynbee turut menumpukan kajian terhadap perkembangan peradaban manusia. Beliau mengutarakan suatu konsep yang dinamakan *challenge and response* bagi memperjelaskan bangun jatuhnya sesebuah peradaban. Sekumpulan minoriti kreatif terpaksa berhadapan dengan cabaran demi cabaran, yang akhirnya melahirkan sebuah peradaban yang berkembang dan matang secara berperingkat-peringkat. Namun, apabila golongan minoriti ini gagal memberikan respon kepada cabaran yang dihadapi, kemerosotan dan keruntuhan akhirnya melanda golongan itu. Tahap kemerosotan sesebuah peradaban tersebut ditandai oleh pertentangan kelas masyarakat.

The normal decline of a civilization occurs in a rhythm of three and a half beats, each with certain very significant accompanying characteristics. The so-called 'rout, 'times of troubles', followed by a rally, or temporary peace; a relapse saved by a second rally, in which the 'universal state' emerges; a second relapse, within the universal state, followed by a final rally and the death of the civilization.

(Sidney Pollard, 1971:174)

2.2.3 Teori Alunan (*A Rhythmic Theory*)

Walau bagaimanapun, Akbar S. Ahmad (1988:31) menolak analisis yang dikemukakan oleh kedua-dua teori ini, khususnya dalam memperkatakan sejarah Peradaban Islam. Menurutnya lagi sejarah Peradaban Islam bukanlah secara kitaran sebagaimana yang diketengahkan oleh Ibn Khaldun dan bukan juga sebagai satu deretan sejarah yang bersifat linear. Beliau sebaliknya mengemukakan satu teori baru yang melihat sejarah Peradaban Islam sebagai satu alunan atau gelombang yang menaik dan menurun (*a rhythm, a flux and reflux, peaks and troughs*). Peradaban Islam mencapai zaman kemuncak keagungan pada zaman tiga generasi awal Islam. Pola alunan meninggi, mendatar, menurun dan merendah seperti lembah, kemudian menaik lagi dan menurun kembali berlaku secara berulang-ulang sepanjang sejarah peradaban Islam merentasi peredaran zaman selama seribu empat ratus tahun.

Hashim Musa dalam syarahan perdannya bertajuk ***Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*** membincangkan dengan panjang lebar tentang penerapan teori perkembangan peradaban Islam secara alunan dengan mengemukakan peristiwa-peristiwa utama dalam sejarah Islam. Penurunan wahyu pertama menandakan bermulanya Islam sebagai agama suci dan berkembang menjadi sebuah negara dan peradaban setelah tercetusnya peristiwa hijrah Nabi Muhammad S.A.W. ke Madinah. Perjuangan Baginda diteruskan oleh para sahabat dengan penyebaran Islam ke seluruh Semenanjung Tanah Arab. Khulafah al-Rasyidin kemudiannya digantikan oleh Kerajaan Bani Umayyah seterusnya Kerajaan Bani Abbasiyah yang menyaksikan peluasan wilayah perluasan kuasa Islam ke Afghanistan, seluruh Afrika Utara, Andalusia, dan beberapa wilayah lagi.

Kerajaan Andalusia meneruskan kegembilangan peradaban Islam di Eropah yang akhirnya diruntuhkan oleh kuasa barat. Kerajaan Abbasiyah dikalahkan dengan serangan tentera Mongolia di bawah Hulagu Khan. Kebangkitan Kerajaan Turki Uthmaniah menyemarakkan kembali sinar kegembilangan Peradaban Islam, namun hanya bertahan sehingga akhir abad kelapan belas apabila ia menjadi lemah dan tunduk kepada kuasa Eropah. Kejatuhan Kerajaan Uthmaniyah menyaksikan perpecahan wilayah-wilayah Islam dan dirumitkan lagi dengan era kolonialisasi kuasa Eropah yang menakluk satu persatu wilayah-wilayah Islam di Afrika, Eropah Timur, Asia Tengah, Asia Selatan dan Asia Tenggara.

Namun, kurun kelapan belas, sembilan belas, dan awal kurun kedua puluh menandakan riak kebangkitan semula Islam dengan tercetusnya pelbagai gerakan, seperti pramoden, modenis, tradisionalis dan neotradisionalis. Satu persatu negara Islam dibebaskan daripada imperialism Barat. Pergolakan, konflik dan kegoncangan tidak dapat dielakkan daripada melanda negara-negara Islam pada dekad-dekad 1970-an dan 1980-an yang ditandai dengan perpecahan wilayah-wilayah, pemberontakan, rampasan kuasa, dan perang saudara. Ternyata, gerakan kebangkitan semula Islam terus dan tetap bergema. Tokoh-tokoh reformis Islam sentiasa lahir pada sepanjang perjalanan sejarah Islam. Islam sentiasa menjadi pemangkin dan tenaga penggerak kepada kebangkitan semula Islam pada setiap zaman. Keadaan ini didorong oleh satu ideal, visi dan misi, contoh terbaik (*uswatun hasanah*) yang dipamerkan oleh peribadi dan kehidupan Rasullullah S.A.W. dan tiga generasi terawal.

Ketiga-tiga teori ini merupakan teori-teori yang telah diketengahkan oleh para sarjana dalam mengkaji bangun jatuhnya peradaban manusia. Namun, dalam usaha penulis

menganalisis kejatuhan Peradaban Islam Melaka, teori kitaran yang diketengahkan oleh Ibn Khaldun akan dijadikan kerangka teori.

2.3 TEORI-TEORI KEDATANGAN ISLAM KE ALAM MELAYU

2.3.1 Islam Dibawa Dari Tanah Arab

Kebanyakan para sarjana sejarah sebelum tahun 1883 berpegang kepada teori bahawa Islam dibawa dari Tanah Arab. Bukti yang dikemukakan ialah pedagang-pedagang Arab sudah lama berdagang di alam Melayu, iaitu sejak zaman jahiliyah sehingga ke zaman penyebaran Islam (2). Pengasas teori ini, iaitu John Crawfurd menyatakan bahawa orang-orang Arab memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Islam ke Alam Melayu kerana memiliki kekuatan angkatan tentera laut yang memudahkan pelayaran mereka ke negeri-negeri sebelah timur (Ismail Hamid, 1985:20).

Pendapat yang diutarakan oleh beliau ini turut disokong oleh Naquib al-Attas (1969:25). Beliau menegaskan bahawa sejak abad keenam belas, kesemua bukti penulisan berbentuk keagamaan yang dikaji tidak menunjukkan bahawa penulisnya berketurunan India. Walaupun terdapat karya-karya yang ditulis di India, namun tulisan tersebut berasal dari Tanah Arab atau Parsi. Ajaran keagamaan yang terkandung di dalamnya pula adalah bercorak Timur Tengah dan bukan India.

2.3.2 Islam Dibawa Dari India

Selain Arab dan Parsi, kebanyakan golongan orientalis dan sarjana selepas tahun 1883 menyimpulkan bahawa agama Islam telah dibawa dari India. Pengasas teori ini ialah Snouck Hurgronje yang menyatakan Islam dibawa dari Gujerat. Brian Harrison (1968:43) antara lain melaporkan bahawa India telah menjadi sumber inspirasi budaya bagi masyarakat Nusantara. Menerusi perhubungan dua hala, penduduk Nusantara berminat dengan agama Islam yang dianuti oleh para pedagang India. Bukti yang dikemukakan ialah terjalannya hubungan perdagangan antara India dengan alam Melayu. Pedagang-pedagang Gujerat bermiaga sambil menyebarkan agama Islam. Penemuan batu nisan yang bertarikh 1424 di Pasai oleh J.P. Moquette yang menyerupai jenis yang terdapat di Cambay, Gujerat menguatkan lagi hujah atau teori ini. Bukti tambahan dikemukakan oleh R.O. Winstedt dengan penemuan batu nisan jenis yang sama di Beruas, Perak. Hipotesis ini disokong kuat oleh R.A. Kern, Schrieke, J. Gonda, dan D.G.E. Hall (Abdullah Ishak, 1990:62).

Namun, teori ini masih boleh dipertikaikan kerana wujudnya kelemahan dan sukar untuk ditonjolkan. Walaupun menyokong teori ini, G.E. Morrison (1951:31) menolak peranan Gujerat berdasarkan fakta bahawa Gujerat masih merupakan sebuah kerajaan Hindu pada masa terdirinya Kerajaan Islam Pasai.

Selain itu, Naquib al-Attas (1972:33) juga menolak pendapat yang diutarakan oleh Moquette. Penemuan batu nisan di Pasai tidak boleh dijadikan bukti kukuh yang menunjukkan bahawa Islam berasal dari Gujerat memandangkan barang keperluan harian dan batu nisan penduduk daerah tersebut diimport dari India. Bukti terpenting dalam

mengkaji teori kedatangan Islam ke alam Melayu ialah sifat dalaman agama Islam itu sendiri.

S.Q. Fatimi (1963:35) pula telah berusaha memecahkan persoalan ini dengan menyokong pendapat bahawa Islam dibawa dari Bengal. Pendapat ini adalah berdasarkan kepada huraian Tome Pires yang menyatakan bahawa Sultan Malik al-Salih, raja Pasai yang memeluk agama Islam adalah berketurunan Benggali. Menurut catatan sejarah China, baginda menggunakan gelaran *Thakur* yang berkemungkinan dari keturunan Benggali. Namun, dakwaan ini tidak dapat diterima kerana tiada bukti yang meyakinkan.

2.3.3 Islam Dibawa Dari China

Pengasas teori agama Islam dibawa dari China ialah Emanuel Gadinho Eredia, iaitu sarjana Sepanyol. Bukti yang diketengahkan ialah pedagang-pedagang Islam dari keturunan Arab dan Parsi berdagang di Canton (3). Secara tidak langsung, telah wujud hubungan antara orang-orang China dan Kepulauan Melayu.

2.4 PUSAT-PUSAT PENYEBARAN ISLAM DI ALAM MELAYU

2.4.1 Kerajaan Islam Pasai

Kedatangan Islam ke alam Melayu telah mewujudkan kerajaan-kerajaan Islam yang terkenal dan kuat. Antaranya ialah Kerajaan Islam Pasai. Penerimaan Islam di Pasai berlaku ketika Pasai diperintah oleh Merah (Meurah) Silu dengan gelaran Malik al-Salih.

Pada tahun 1282 dua orang utusan yang bernama Hasan (Shamsuddin) dan Sulaiman telah menghadap Maharaja China. Ini membuktikan bahawa Pasai sudah pun menganut agama Islam sejak tarikh tersebut. Ibn Batutah yang singgah di Pasai dalam pelayarannya ke negeri China melaporkan bahawa rajanya ialah Sultan Malik al-Dzahir. Baginda adalah seorang yang sangat salih dan berpegang kuat kepada ajaran Islam. Minatnya yang mendalam terhadap penyebaran Islam menyebabkan baginda sering mengadakan muzakarah dan majlis-majlis ilmu agama Islam. Penghormatan yang tinggi juga telah diberikan kepada para ulama, misalnya Qadi Sharif Amir Sayyid dari Shiraz dan Taj al-Din dari Isfahan.

Pasai juga telah menjadi pusat pengajian ilmu-ilmu Islam yang terkenal. Sultan Mansur Syah pernah memerintahkan agar kitab *Dar al-Manzum* yang ditulis dalam bahasa Arab dibawa ke Pasai untuk diterjemahkan ke bahasa Melayu. Penterjemahan ini dilakukan oleh Tuan Permatakan. Selain itu, segala kebuntuan tentang ilmu kalam telah dirujuk ke Pasai untuk diselesaikan. Keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa kedudukan Pasai sebagai pusat penataran ilmu-ilmu keagamaan Islam yang menjadi tumpuan para cendekiawan Muslim termasuk dari Asia Barat. Namun, dengan kemangkatan rajanya yang terakhir, peranan dan tanggungjawab penyibaran Islam di rantau alam Melayu telah diambil alih oleh Peradaban Islam Melaka.

2.4.2 Kerajaan Islam Melaka

Melaka mempunyai pengaruh yang amat besar dalam peradaban Islam rantau Nusantara, khususnya dari aspek penyebaran Islam. Peranan Peradaban Islam Melaka sebagai pusat penyebaran Islam yang terkemuka di rantau Nusantara adalah didorong oleh beberapa

faktor. Telah menjadi adat dan kelaziman, para pembesar dan rakyat akan memeluk agama Islam apabila pemerintahnya berbuat demikian. Hal ini telah berlaku di Pasai dan Melaka. Melaka telah menerima Islam sejak zaman pemerintahan Parameswara lagi. Baginda memakai gelaran Sultan Megat Iskandar Syah.

Sejarah Melayu mencatatkan bahawa raja-raja Melaka merupakan pemerintah-pemerintah yang berminat kepada agama Islam dan ilmu pengetahuan. Misalnya, Sultan Muhammad Syah mempelajari ilmu agama daripada Saiyid Abdul Aziz dan Sultan Mansur Syah amat menyanjung tinggi kitab-kitab agama dan telah mengkaji kitab *Dur al- Manzum* dengan Maulana Abu Bakar (A. Samad Ahmad, 2000:74 ; 156). Pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah, baginda bersama-sama rakyat jelata mempelajari ilmu pengetahuan Islam, terutama ilmu feqah berhubung dengan bab muamalat. Baginda sanggup menghadiri majlis ilmu di rumah Maulana Yusuf.

Peranan Peradaban Islam Melaka dalam penyebaran Islam juga boleh dikaitkan dengan kedudukan negeri itu sebagai pusat penataran ilmu keagamaan dan pengetahuan. Keadaan ini menjadikan Peradaban Islam Melaka sebagai pusat tumpuan utama para cendekiawan Islam. Bagi mengembangkan Islam ke dalam dan luar negeri, pelbagai institusi pengajian tinggi Islam telah didirikan. Istana turut memainkan peranan utama bukan sekadar sebagai pusat pengajian Islam, tetapi juga sebagai pusat dakwah bagi penyebaran Islam di rantau ini. Selain itu, Peradaban Islam Melaka juga telah menjadi pusat penterjemahan dan penyalinan kitab-kitab agama dan kesusasteraan Melayu Islam.

Sejarah Melayu juga melaporkan bahawa *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* telah dibaca oleh orang-orang di Melaka sejak abad kelima

belas. *Hikayat Iskandar Zulkarnain* dipercayai turut diketahui di Melaka kerana nama seorang Sultan Melaka telah diambil daripada watak utama dalam hikayat tersebut. Kesungguhan menjadikan Islam sebagai pegangan utama memperlihatkan pengaliran pengaruh Islam ke dalam sistem perundangan Melaka iaitu *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*. Perkembangan dan pelaksanaan perundangan di negeri-negeri lain juga turut menerima pengaruh yang sama (4).

Keutuhan politik dan dasar peluasan kuasa turut menyumbang ke arah penyebaran Islam. Islam mencapai zaman keagungannya pada zaman Sultan Mansur Syah memerintah. Kekuatan dan keagungannya membolehkan Melaka mencapai ketuanan politik di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan muncul sebagai empayar Peradaban Islam yang unggul dan tidak dapat ditandingi di alam Melayu. Keamanan yang wujud di bawah pemerintahan baginda yang cekap memudahkan lagi usaha meletakkan Peradaban Islam Melaka sebagai kuasa agung pada ketika itu. Keadaan ini disokong pula oleh lenyapnya ancaman-ancaman dari luar. Kebijaksanaan Tun Perak dan naungan China meletakkan Peradaban Islam Melaka dalam keadaan yang stabil. Kemerosotan kuasa Majapahit yang menghadapi ancaman perpecahan dalaman meletakkan Peradaban Islam Melaka sebagai kuasa utama di rantau Nusantara.

Peranan Peradaban Islam Melaka bukan sekadar menyebarkan Islam di dalam kawasan jajahan takluknya, tetapi berusaha menghantar para pendakwah dan pedagang bagi mengembangkan Islam. Misalnya, Sultan Mansur Syah telah menghantar para pendakwah ke Minangkabau Timur. Maulana Abu Bakar pula telah singgah di Brunei dan Palembang sebelum ke Sulu dalam usahanya untuk menyebarkan ajaran Islam. Sebaik sahaja Patani menerima Islam, Peradaban Islam Melaka telah menghantar sebuah kitab agama ke

sana(Yahaya Abu Bakar:1997). Melaka turut memainkan peranan dengan mengislamkan para pembesar dan rakyat dari negara luar. Contohnya, Puteri Hang Li-Po telah diislamkan bersama-sama para pengikutnya sebelum berkahwin dengan Sultan Mansur Syah.

Dengan penglibatan raja- raja dan pembesar- pembesar Melaka terhadap agama Islam, Peradaban Islam Melaka telah berkembang pesat sebagai pusat pengetahuan dan kebudayaan Melayu Islam di Kepulauan Melayu. Selain itu, ia turut memainkan peranan dalam menyebarkan Islam ke seluruh pelosok alam Melayu termasuk Filipina Selatan. Sesetengah sarjana menyatakan Jawa telah diislamkan dari Melaka (Zainal Abidin b. Abd Wahid, 1972:27). Minat dan kegigihan pemerintah-pemerintah Melaka ini telah meletakkan Peradaban Islam Melaka sebagai sebuah pusat pengajian dan penyebaran Islam terpenting di alam Melayu menjelang abad kelima belas. Meilink Roelofsz (1962:34) menyatakan '*Under later Sultans, Malacca even became a centre of Mohammedan culture , and Moslem literature , mysticism and law*'.

Kedatangan Islam ke Melaka membawa sebuah peradaban yang tinggi dalam membentuk keperibadian bangsa Melayu. Namun, keagungannya dalam lapangan keagamaan, politik, dan ekonomi lenyap di tangan Portugis pada tahun 1511.

2.4.3 Kerajaan Islam Aceh

Selepas kejatuhan Peradaban Islam Melaka ke tangan Portugis, Aceh telah bertindak mengambil alih peranan yang dimainkan oleh Peradaban Islam Melaka. Kerajaan Aceh menjadi sebuah empayar Islam yang kuat di alam Melayu dengan jajahan takluknya yang begitu luas. Sesuai dengan peranan sebagai pusat perkembangan Islam, Aceh menerima

kunjungan tokoh-tokoh ulama dari Timur Tengah seperti Sheikh Muhammad al-Yaman, Abu Khair ibn al-Hajar dari Gujerat, dan Syeikh Muhammad Jailani ibn Muhammad al-Raniri. Di samping itu, banyak buku-buku ilmu pengetahuan dan kesusasteraan yang bercorak keagamaan telah dihasilkan oleh pengarang terkenal seperti Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Sumaterani, Nuruddin al-Raniri dan lain-lain.

Acheh juga turut mengadakan hubungan persahabatan dan diplomatik dengan negara-negara Islam seperti India, Turki, Makkah, dan Mesir yang bertujuan untuk mempergiat lagi peranannya sebagai pusat penyebaran Islam. Hasil daripada hubungan tersebut, Acheh telah menerima bantuan persenjataan dan penasihat ketenteraan daripada Kerajaan Turki. Bantuan tersebut dapat mempertingkat kekuatan Acheh dari aspek keselamatan dan pertahanan. Kekuasaan Kerajaan Islam Acheh mencapai kemuncak kegembilan di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (Abdullah Ishak, 1990:116).

Kerajaan Islam Acheh mengamalkan dasar menghancurkan kuasa Portugis sejak dari zaman Sultan Ali Mughayat Syah dengan meniupkan semangat jihad bagi menentang pengaruh Portugis. Acheh senantiasa berusaha untuk mengimbangi semangat dan pengaruh Portugis dari aspek perdagangan, politik, dan agama. Walaupun serangan demi serangan dilancarkan oleh Acheh menemui kegagalan, namun ia memberikan kesan yang besar di dalam mengimbangi kuasa Portugis. Tindakan ini secara tidak langsung menyekat usaha Portugis untuk menyebarluaskan pengaruh Kristian di rantau ini secara meluas.

2.5 PENUTUP

Daripada perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa pelbagai terminologi telah digunakan oleh para sarjana Muslim dan barat di dalam menjelaskan pengertian peradaban. Oleh sebab konsepnya yang luas dan kompleks, jadi tidak terdapat satu istilah yang digunakan secara dominan. Semua terminologi ini mencadangkan bahawa peradaban ialah sesuatu kemajuan atau ciptaan baru yang dilahirkan oleh sesuatu umat untuk menjadikan hidup mereka lebih tenteram dan selesa. Namun, istilah peradaban dalam peradaban Islam lebih menekankan ketinggian pencapaian dari aspek duniawi dan ukhrawi, manakala bagi pengertian sarjana-sarjana barat, penekanan hanya diberikan kepada kemajuan duniawi.

Pelbagai teori juga telah diketengahkan oleh para pengkaji peradaban manusia dalam memahami gejala bangun jatuhnya sesebuah peradaban. Teori-teori ini, iaitu teori kitaran, linear, dan alunan menekankan bahawa peradaban itu merupakan sesuatu yang dinamik yang sentiasa mengalami proses-proses perkembangan dari semasa ke semasa.

Kedatangan Islam telah membawa satu sinar baru kepada peradaban yang wujud di alam Melayu dengan pertapakan beberapa buah pusat peradaban Islam. Antaranya ialah Peradaban Islam Melaka yang akhirnya nanti muncul sebagai sebuah pusat Peradaban Islam yang unggul bukan sahaja di rantau Nusantara, malah di persada antarabangsa.

NOTA HUJUNG

1. Untuk perbincangan lanjut sila lihat di bawah tajuk *Civilization and Cultural Evolution* dalam *The New Encyclopaedia Britannica*, 1978, Vol.4 : 657-660.
2. Seperkara yang tidak dapat dinafikan bahawa kapal-kapal peniaga Arab telah tiba di alam Melayu sebelum kelahiran Islam lagi. Alam Melayu masyhur dengan kawasan yang kaya dengan hasil bumi dan kayu-kayan yang amat dikehendaki oleh negara-negara luar. Kedudukan geografi dan kegiatan perniagaan yang begitu penting menyebabkan alam Melayu terkenal ke serata pelosok dunia termasuk negara Arab. Rantau ini juga turut menjadi tempat pertemuan pelbagai kebudayaan dan kepercayaan. Kebanyakan orang Arab yang tiba di Tanah Melayu adalah penduduk Yaman di Selatan Semenanjung Arab yang telah sekian lama bergiat dalam perniagaan dengan kawasan-kawasan di sebelah Timur. Mereka juga mempunyai hubungan yang akrab dengan orang-orang Arab Hijaz, terutama dalam bidang perniagaan. Barang yang dibawa dari Gugusan Kepulauan Melayu untuk diperdagangkan ialah permata dan rempah ratus. Sinar Islam terpancar di Tanah Suci Mekah dengan kemunculan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai pesuruh Allah S.W.T. Pedagang-pedagang Arab yang menjalankan perniagaan di rantau ini kebanyakannya memeluk agama Islam terutama selepas peristiwa pembukaan Kota Mekah (*Futuh Makkah*) pada tahun 630 . Peristiwa yang terkenal dalam sejarah sebagai am *al-wufud* atau tahun yang mengakibatkan seluruh suku kaum bangsa Arab Semenanjung Tanah Arab memeluk Islam termasuk Yaman yang merupakan pelabuhan perdagangan pada terpenting ketika itu bukan sahaja kepada pedagang-pedagang Arab tetapi juga pedagang-pedagang asing. (Abdullah Ishak, 1990:55)
3. Para peniaga Arab dan bukan Arab telah berjaya membuka pusat-pusat perdagangan, seperti Malabar, Kadarang / Phan Rang, Vietnam Selatan dan Canton sejak abad kelapan. Sesetengah riwayat menyebut sudah terdapat masyarakat Arab di beberapa kawasan terutama Canton sebelum abad kelapan. '*It has been said that the foreign traders in Chinese seaports during Sung times were mainly Arabs, and that they were the richest of the foreigners'* (Tibbetts, 1957:2). Kekacauan yang

berlaku di Canton pada tahun 878, mengakibatkan penghijrahan beramai-ramai saudagar-saudagar Arab dan Parsi ke beberapa buah negeri di Tanah Melayu termasuk Melaka dan Kedah. Penyebaran Islam pada peringkat awal terhad kepada komuniti peniaga di kawasan pantai kerana berlakunya pertemuan antara masyarakat setempat dengan para saudagar Muslim (Abdullah Ishak, 1990:44).

4. Undang-undang Kedah umpamanya, memuatkan dua puluh tiga fasal yang diambil daripada Undang-undang Melaka termasuk hal-hal yang berkaitan dengan urusan jual-beli, nikah kahwin dan perzinaan. Undang-undang Pahang juga memperlihatkan pengaruh pengaruh yang berkaitan dengan perundangan Islam Melaka (Yahaya Abu Bakar, 1997:37-38).